

MOROCCO + SAHARA DESERT



Keistimewaan kami

- Pakej sesuai dengan orang Malaysia
- Mesra Muslim
- Aturcara program yang menarik
- Aktiviti camel ride & 'sunset watching' di Padang sahara
- Aktiviti Stargazing & campfire
- Tiada 'Shopping Trap'

Half Board

RM

8,880

Perpax



Last updated : 26 May 2022



018-2854880



info@shamdiscovertravel.com



shamdiscover

ITINERARY (9D7N)

HARI 1: KLIA

Berkumpul di KLIA. Berlepas ke Casablanca Airport pada waktu Malam & awal pagi

HARI 2: CASABLANCA-MARRAKESH

- Ketibaan di Casablanca Airport.
- Bertolak ke Pusat Bandar untuk lawatan ke Mosque Hassan Thani. Masjid Hassan II di
- Casablanca telah disiapkan pada tahun 1993 dengan perbelanjaan besar dan hasilnya kini ia adalah salah satu masjid terbesar dan paling indah di dunia. Hampir setengah permukaan masjid ini terletak di atas lautan Atlantik. Hal ini diilhamkan dari ayat al-Qur'an yang menyatakan "Arasy Allah berada di atas air". Rekaan ini diminta sendiri oleh Sultan Hassan II, yang menyatakan, "Saya mahu membina masjid ini di atas air, kerana Arasy Allah berada di atas air. Masjid ini dapat bertahan dari gempa bumi dan mempunyai lantai berhaba, pintu elektrik dan bumbung mudah alih.
- Bertolak ke Marrakesh untuk check in dan istirehat. (2jam 30 min)

HARI 3: MARRAKESH

- Lawatan di bandar Marrakesh.
- Istana Bahia adalah sebuah istana yang mempunyai satu taman yang terletak di Marrakech,
- Maghribi. Ia dibina pada abad ke-19an, bertujuan untuk menjadi istana yang paling besar pada masa itu. Nama istana ini adalah bermaksud "kecemerlangan".
- Berber Pharmacie merupakan kedai jualan barangan rempah ratus Morocco, barangan kosmetik tradisional Morocco seperti minyak Argan, zaitun, kaktus dan sebagainya. Penerangan yang cukup jelas di kedai ini memberikan suasana seperti berada di dalam sebuah farmasi ubat-ubatan namun dengan gaya dan barangan tradisional yang sememangnya asli tanpa menggunakan kaedah moden.
- Masjid Koutobia merupakan masjid terbesar di Marrakech, Maghribi. Masjid ini juga dikenali dengan beberapa nama lain, seperti Jami' al-Kutubiyah, Masjid Kutubiya, Masjid Kutubiyin, dan Masjid Penjual buku. Ia terletak di barat daya Marrakech. Masjid ini dihiasi dengan tingkap melengkung, tatak seramik dan gerbang hiasan. Ia mempunyai kawasan besar dengan taman-taman yang terang dan indah di malam hari. Menara yang mempunyai ketinggian sebanyak 77 meter (253 kaki), termasuk puncak menara dan bola. Ia telah siap di bawah pemerintahan Khalifah Almuwahiddin Sultan Yaqub al-Mansur (1184M-1199M). Bangunan bersejarah ini juga telah memberi inspirasi kepada dua bangunan lain iaitu Menara Giralda di Seville (Cathedral La Giralda) dan Menara Hassan di Rabat (Tombs Hassan).
- Jemaa El Fna adalah bazar membeli belah di bandar Marrakech ini (old town). Ia merupakan dataran utama Marrakech yang dikunjungi oleh penduduk tempatan dan pelancong.
- Free & easy untuk shopping di Souq.
- Pulang ke hotel semula.

HARI 4: MARRAKESH-AIT BEN HADDOU-BOUMALNE DADES

- Bertolak ke Ait Ben Haddou merentasi banjaran Atlas.
- Ksar of Ait Ben Haddou adalah salah satu seni bina Selatan Maghribi. Ksar adalah kumpulan dasarnya kolektif perumahan yang berada dalam dinding pertahanan diperkukuh oleh menara penjuru. Kelihatan seperti istana bandar kecil dengan menara tinggi, bahagian atas dihiasi corak bata tanah liat. Ia adalah sebuah bangunan yang menawarkan panorama lengkap teknik pembinaan di tanah pra-Sahara. Terdapat bangunan lama seolah-olah terbina sebelum abad ke-17.
- Photostop di Ourzazate dan beberapa check point sepanjang Atlas Mountain
- Menginap di Lembah Boumalne dades.

Last updated : 26 May 2022



018-2854880



info@shamdiscovertravel.com



shamdiscover

HARI 5: BOUMALNE DADES-TODRA GORGE-MERZOUGA

- Todra Gorge: Sungai yang dahulunya penuh jurang ini pasti membawa air yang banyak. Kawasan yang mudah untuk berjalan kaki dalam gaung di sepanjang jalan berturap diselenggarakan dengan baik. Pemandangan yang menakjubkan yang menampilkan penduduk setempat dengan gembalaan kambing atau unta.
- Berber Village: Orang Barbar ialah orang asli Afrika Utara di barat Lembah Nil. Mereka bertaburan dari Atlantik ke Oasis Siwa di Mesir, dari Mediterranean ke Sungai Niger. Mereka bertutur dalam pelbagai bahasa Barbar yang merupakan satu cabang keluarga bahasa-bahasa Afro-Asia.
- Fossil shop di Erfoud
- Merzouga: Merzouga adalah kampung pelancongan tempatan yang terletak berhampiran dengan pinggir bukit pasir. Pengalaman menaiki unta dari kawasan sekitar Merzouga dan ke padang pasir(Sahara) merupakan salah satu tarikan utama dalam pakej ini. *menaiki 4 wheel car atau unta ke khemah
- Camel ride(Pilihan 15 Euro) and sunset watching
- Stargazing and campfire
- Menginap di khemah atau hotel

HARI 6: MERZOUGA-IFRANE-FES

- Singgah di Ziz Valley, lembah kurma.
- Makan tengahari di Midelt, sebuah perkampungan pengeluar epal terbesar di Morocco.
- Ifrane: Singgah sebentar di Ifrane atau digelar Swiss of Morocco kerana bandar, cuaca dan kawasannya seakan di Switzerland. Kita akan bersantai sambil menikmati secawan kopi di café. Sepanjang perjalanan ke Fes, kita akan dihidangkan pemandangan permukaan bumi yg pelbagai dan menyejuk mata.
- Check in di Fes

HARI 7: FES -CHEFCHOUEN

- • Royal Palace Fes atau Dar el Makhzen seluas 80 hektar tanah yang mempunyai bahagian hadapan bangunan yang mempesonakan lengkap dengan pintu melengkung dihiasi oleh kilauan jubin dan ukiran kayu.
- • Burj Al Janubi terletak di bahagian selatan bandar Fes. Panorama yang bertentangan dengan Kubu Marinid di bahagian utara). Pandangan panorama indah bandar Fes dapat dilihat dari puncak bukit ini.
- • Tanneries (kilang memproses Kulit). Cara pemprosesan kulit di Maghribi masih mengikut kaedah tradisional. Kulit di rendam selama beberapa hari di dalam bulatan yang dipenuhi air dan garam. Kemudian ia di keluarkan dan di jemur sebelum ia di rendam semula kedalam air campuran merpati untuk dilembutkan. Pekerja hanya menggunakan tangan dan kaki mengikut kelembutan yang dikehendaki.
- • Universiti Al-Qarawiyyin atau al-Karaouine (Bahasa Arab: القروي ني جامعة) adalah sebuah universiti yang terletak di Fes, Maghribi. Al-Qarawiyyin adalah sebuah masjid/ sekolah agama yang diasaskan oleh Fatima al-Fihri pada tahun 859M. Ia menjadi salah satu pusat kerohanian dan pendidikan terkemuka di dunia Islam yang bersejarah. Ia telah dimasukkan ke dalam sistem universiti negara moden Maghribi pada tahun 1963M. Ia terus beroperasi sebagai institusi pendidikan di dunia menurut UNESCO dan Guinness World Records.
- • Aktiviti membeli belah di Kota Lama Fes.
- • Bertolak ke Chefchouen (3 jam) dan check in.

Last updated : 26 May 2022



018-2854880



info@shamdiscovertravel.com



shamdiscover

HARI 8: CHEFCHOUEN-RABAT-MOHAMMEDIA

- Old Medina of Chefchouen: Membeli-belah di Chefchaouen adalah lebih tenang untuk pengunjung. Pasar-pasar adalah yang lebih santai berbanding Marrakech atau Fes. Chefchouen terkenal dengan namanya blue city Of Morocco disebabkan bandar ini dicat warna biru menyebabkan ianya menjadi tempat wajib untuk photographer.
- Place el Houta
- Bertolak ke Rabat
- Kasbah Oudaya : Kasbah Udayas ialah Kasbah di Rabat. Ia terletak di muara Sungai Bou Regreg bertentangan Sale. Bangunan ini telah dibina pada abad ke-12 semasa pemerintahan Al-Muwahhidun (1121M-1269M). Apabila Dinasti Almohad telah menawan Rabat dan memusnahkan Kasbah dinasti Almoravid di kota itu, mereka mula membina semula dalam 544H/1150M. Mereka menambah sebuah istana dan masjid yang diberi nama Al-Mahdiyya.
- Mousaleum of Mohammed 5 / HASSAN TOWER
- Bertolak ke Mohammedia dan check in

HARI 10: MOHAMMEDIA – CASABLANCA AIRPORT

- Free and easy
- Bertolak ke airport

HARI 11: KLIA

- Di di KLIA
- Bersurai.Tamat. Terima kasih mengembara bersama Sham Discover Travel & Tours Sdn Bhd.

CADANGAN PENGINAPAN ATAU SETARAF

- **Marrakech**- Mogador Kasbah/Riad Jnane Mogador
- **Boumalne Dades** -Hotel Le Kasbah De Dades
- **Merzouga (Sahara Desert)** - Sirroco Camp/Auberge De Charme Les Dunes D'Or
- **Fes** - Riad Authentic Palace
- **Chefchouen** - Puerta Azul
- **Mohammedia** - Relax Hotel/Hotel Du Golf

Peringatan:

**Semua penginapan adalah tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan akhir.*

Semua hotel/riad/camp adalah bertaraf 3* dan 4

**Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik. Oleh itu, tempat tidur /Katil tambahan akan ditambah hanya pada bilik berdua.*

Last updated : 26 May 2022



018-2854880



info@shamdiscovertravel.com



shamdiscover

PAKEJ TERMASUK :

- Tiket penerbangan pergi balik . (Turkish Airlines, Saudi Airlines,Qatar Airlines or similar)
- Bagasi 25 kg/ 30 kg mengikut jenis pesawat (bergantung jenis pesawat)
- Airport transfer
- Kenderaan Khas untuk tujuan di sepanjang lawatan
- Penginapan 3/4 bintang (Hotel , Riad (Rumah Tradisi Morroco), Khemah di Sahara.
- Pemandu Pelancong berbahasa Melayu /English
- Sarapan pagi setiap hari
- City local guide di Fes,Marrakech dan Casablanca
- 1 Botol air mineral setiap hari
- Tiket lawatan
- Makan Malam x 7

PAKEJ TAK TERMASUK :

- Perkhimatan yang tidak dinyatakan dalam pakej (Porter,Laundry,SIMKAD & Lain-lain)
- Insurance perjalanan (Bawah 65 Tahun RM150 & Atas 65 Tahun (RM400)
- Tipping 4 Euro Perday Perpax
- Optional (Camel Ride 15 Euro)
- Lunch

Last updated : 26 May 2022



018-2854880



info@shamdiscovertravel.com



shamdiscover



Hassan Sani Mosque




Koutubia Mosque



Jema El Fena'Square



Bahia Palace



Tizi Tichka Pass



Ait Ben Haddou

Last updated : 26 May 2022



018-2854880



info@shamdiscovertravel.com



shamdiscover



Sahara Desert



Ziz Valley



Qarawiyyin University



Royal Palace Of Fez



Chefchouen



Qudaya Kasbah

Last updated : 26 May 2022



018-2854880



info@shamdiscovertravel.com



shamdiscover